

## **KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

---

**PERMOHONAN PENGECUALIAN KHAS  
(KATEGORI SEBUT HARGA PERINGKAT PUSAT  
TANGGUNGJAWAB (PTJ)) MELALUI SISTEM EGPA  
KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN**

---

**ARAHAN BAHAGIAN KEWANGAN BIL. 2/2021**

**(ABK 2/2021)**

# KANDUNGAN

## PERMOHONAN PENGECUALIAN KHAS MELALUI SISTEM EGPA

|    |   |   |
|----|---|---|
| 1. | Latar Belakang .....                        | 3 |
| 2. | Tujuan .....                                | 3 |
| 3. | Skop Pengecualian Khas .....                | 4 |
| 4. | Tatacara Permohonan Pengecualian Khas ..... | 4 |
| 5. | Kuat Kuasa .....                            | 5 |

**PERMOHONAN PENGECUALIAN KHAS  
(KATEGORI SEBUT HARGA PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ))  
MELALUI SISTEM EGPA KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN**

**1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Selaras dengan arahan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) mengenai pelaksanaan Program Transformasi Perbendaharaan melalui surat S/K.KEW/PK/MOF SP2/22/2 SK3 (1) bertarikh 15 Februari 2016 - Penggunaan Sistem Electronic Government Procurement Application (eGPA) Kepada Semua Agensi, semua permohonan pengecualian khas dikemukakan ke MOF melalui sistem eGPA berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa.
- 1.2 Pada masa ini, terdapat kekangan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kementerian Pertahanan untuk menggunakan sistem eGPA bagi pengecualian khas kerana ketiadaan Pegawai Perhubungan Perolehan di peringkat PTJ.
- 1.3 Garis Panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) ini disediakan bagi Permohonan Pengecualian Khas (Kategori Sebut Harga Peringkat PTJ) melalui eGPA untuk menyelaraskan permohonan pengecualian khas dari PTJ, Kementerian Pertahanan kepada MOF.

**2.0 TUJUAN**

Garis Panduan SOP permohonan pengecualian khas ini disediakan bertujuan untuk:

- (i) permohonan PTJ diselaraskan oleh satu Bahagian di Kementerian Pertahanan bagi memudahkan penyaluran maklumat dan komunikasi di antara Kementerian Pertahanan dan MOF;
- (ii) memastikan proses permohonan pengecualian khas yang lebih teratur, seragam dan menepati keperluan MOF;
- (iii) memudahcara proses permohonan pengecualian khas oleh PTJ;
- (iv) mewujudkan satu garis panduan standard bagi pelaksanaan permohonan melalui sistem eGPA di Kementerian Pertahanan; dan
- (v) memastikan pelaksanaan sistem eGPA berjalan lancar dan teratur sebagaimana yang digariskan oleh MOF.

### **3.0 SKOP PENGECUALIAN KHAS**

Permohonan Pengecualian Khas ini adalah bagi kategori Sebut Harga (Perolehan < RM500,000) mengikut kategori berikut:

- (i) Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan
- (ii) Pembayaran Luar Kontrak
- (iii) Pengecualian Penggunaan Kontrak Pusat/Panel
- (iv) Perolehan Secara Pembelian Terus
- (v) Perolehan Secara Sebut Harga
- (vi) Pengecualian Pendaftaran Syarikat dengan MOF
- (vii) Pengecualian Fi Perkhidmatan (Sistem eP)
- (viii) Pengecualian Penggunaan Sistem eP
- (ix) Pengecualian Bon Pelaksanaan
- (x) Bayaran Pra-Perkhidmatan/Bekalan (Pre-Payment)
- (xi) Pengecualian kepada Multimodal Transport Operator (MTO)
- (xii) Lanjut Tempoh untuk Tandatangan Dokumen Kontrak Melebihi 4 Bulan
- (xiii) Tukar Nama Syarikat / Novasi Kontrak
- (xiv) Pertukaran Bon Pelaksanaan kepada Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)
- (xv) Perolehan Barangan Import (FOB/CIF/Ex-Stock)

### **4.0 TATACARA PERMOHONAN PENGECUALIAN KHAS**

4.1 Apabila terdapat keperluan bagi pengecualian khas sebagaimana di perenggan 3.0, PTJ perlu mengemukakan permohonan secara bertulis kepada urusetia eGPA di Bahagian Kewangan bersama-sama dengan maklumat dan dokumen yang lengkap seperti berikut:

- (a) Tajuk Perolehan
- (b) Tujuan & Justifikasi Permohonan
- (c) Latar Belakang Perolehan (Nilai Kontrak, Tempoh Kontrak)
- (d) Lokasi Perolehan
- (e) Sumber Peruntukan (OE/DE/Akaun Amanah/Lain-lain)
- (f) Nilai Peruntukan (RM)
- (g) Nilai Peruntukan Tahun Semasa (RM)
- (h) Jenis Pengecualian (Rujuk Perenggan 3.0)
- (i) Status Pesanan (Tarikh Penghantaran & Tarikh Pembayaran)
- (j) Pegawai yang bertanggungjawab
- (k) Maklumat Syarikat (Nama Syarikat & No. Pendaftaran Syarikat)
- (l) Dokumen Sokongan (salinan Surat Setuju Terima/Kontrak, salinan Pesanan Kerajaan, salinan invoice dan lain-lain dokumen sokongan).

- 4.2 Hanya permohonan yang lengkap akan dikunci masuk ke dalam sistem eGPA oleh Pegawai Meja, Cawangan Inspektorat. Permohonan yang tidak lengkap akan dipulangkan semula kepada pihak PTJ. Proses permohonan pengecualian khas adalah seperti Carta Alir di **LAMPIRAN A**. Format borang permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- 4.3 Keputusan yang dikeluarkan oleh MOF akan dimaklumkan kepada Pengurus PTJ untuk tindakan selanjutnya.

## 5.0 KUAT KUASA

Garis Panduan SOP Permohonan Pengecualian Khas (Kategori Sebut Harga) Peringkat PTJ Kementerian Pertahanan berkuat kuasa pada **1 Januari 2021** kepada semua PTJ Kementerian Pertahanan kecuali PTJ Bahagian Perolehan dan Bahagian Pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Saya yang menjalankan amanah,




**(MUHAMAD ZAMANI BIN MOHD ALI)**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan  
Kementerian Pertahanan

Tarikh: // Februari 2021

LAMPIRAN A

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENGECUALIAN KHAS MELALUI SISTEM EGPA  
KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN**



**LAMPIRAN B**

**BORANG PERMOHONAN PENGECUALIAN KHAS SEBUT HARGA PERINGKAT  
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

---

**1. Kategori Perolehan** (Sila tandakan **X** pada salah satu kategori di bawah:

Bekalan & Perkhidmatan Bukan Perunding

Perkhidmatan Perunding

Kerja

**2. Nama Perolehan** : .....

**3. Jenis Perolehan** (Sila tandakan **X** pada salah satu kategori di bawah)

ICT

Bukan ICT

**4. Tujuan Permohonan** : .....

**5. Pemilik Projek** : .....  
(Nyatakan nama Markas/Bahagian)

**6. Pelaksana Projek** : .....  
(Nyatakan nama Markas/Bahagian)

**7. Latar Belakang  
Projek Secara  
Ringkas** : .....

**8. Lokasi Projek  
(Negeri)** : .....

**9. Sumber Peruntukan** (Sila tandakan X pada salah satu kategori di bawah)

- Belanja Pembangunan (DE)
- Belanja Mengurus (OE)
- Akaun Amanah
- Pinjaman
- Private Finance Initiative (PFI)
- Pakej Ransangan Ekonomi (PRE)
- Lain- Lain (Sila nyatakan)
- .....

**10. Nilai Peruntukan (RM)** : .....

**11. Nilai Peruntukan Tahun Semasa (RM)** : .....

**12. Jenis Pengecualian** (Sila tandakan X pada salah satu kategori di bawah)

- Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan
- Pembayaran Luar Kontrak
- Pengecualian Penggunaan Kontrak Pusat/Panel
- Perolehan Secara Pembelian Terus
- Perolehan Secara Sebut Harga
- Pengecualian Pendaftaran Syarikat dengan MOF
- Pengecualian Fi Perkhidmatan (Sistem eP)
- Pengecualian Penggunaan Sistem eP
- Pengecualian Bon Pelaksanaan Bayaran Pra-Perkhidmatan/Bekalan (Pre-Payment)



- Pengecualian kepada FOB/MTO
- Lanjut Tempoh untuk Tandatangan Dokumen Kontrak Melebihi 4 Bulan
- Tukar Nama Syarikat / Novasi Kontrak
- Pertukaran Bon Pelaksanaan kepada Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)
- Perolehan Barangan Import (FOB/CIF/Ex-Stock)

**13. Status Perolehan** (Sila tandakan X pada salah satu kategori di bawah)

- Aktif
- Kontrak telah tamat

**14. Status Pesanan**

**Tarikh Penghantaran** : .....  
 (Sila kemukakan Salinan Pesanan Tempatan dan Sijil Penerimaan)

**Tarikh Pembayaran** : .....  
 (Sila sertakan invoice/resit pembayaran)

- 15. Nama Syarikat** : .....
- 16. No. Pendaftaran Syarikat** : .....
- 17. No. Surat Setuju Terima (SST)** : .....
- 18. No. Kontrak** : .....
- 19. Tempoh Kontrak** : ..... hingga .....
- 20. Nilai Kontrak** : .....
- 21. Nilai Bon Pelaksanaan** : .....

22. Justifikasi Permohonan : .....  
.....  
.....  
.....

23. Pegawai Bertanggungjawab : .....

No. Tel (Pejabat) : .....

No. Tel (Bimbit) : .....

**Nota:**

- i) Format ini merupakan panduan kepada pemohon dalam mengemukakan permohonan pengecualian khas kepada Kementerian Kewangan.
- ii) Pemohon boleh menambah sebarang maklumat yang berkaitan dengan permohonan kepada format yang disediakan.
- iii) Pemohon perlu mengemukakan salinan dokumen sokongan bersama-sama permohonan pengecualian khas ini.